

APA DIA AIDS?

Pada suatu ketika dalam tahun 1960 monyet hijau Afrika yang dipercayai mula-mula menjangkitkan kepada manusia. Penyakit yang berasal dari Afrika tengah ini diberi nama sebagai AIDS dalam tahun 1981. Ianya merupakan penyakit baru dan sangat membahayakan nyawa penghidapnya, lebih-lebih lagi memandangkan pada masa ini rawatan suntikan untuk mencegahnya belum lagi ada.

AIDS (Acquired Immune Deficiency Syndrome) singkatan daripada perkataan-perkataan yang memberikan maknanya seperti:

A = Acquired — menunjukkan bahawa ianya penyakit mendatang dari orang lain dan bukan dari keturunan.

I = Immune Deficiency — bermakna kekurangan sistem daya melawan penyakit yang semula jadi ada dalam tubuh manusia.

S = Adalah singkatan daripada perkataan sindrom yang bermakna berlakunya pertanda-pertanda badan dan gejala-gejala penyakit.

Ianya disebabkan oleh sejenis kuman yang dikenal sebagai LAV/HTLV 111 virus. Virus ini dipercayai menyerang dan memusnahkan sel mustahak yang dikenal sebagai 'sel T' yang terdapat dalam sistem daya melawan penyakit yang semula jadi ada dalam badan manusia. Dengan berlakunya perkara sedemikian lambat laun badan kehilangan daya melawan penyakit ini yang membuatnya akan terdedah kepada serangan kuman-kuman. Kerana inilah AIDS membahayakan.

BAGAIMANA IANYA MEREBAK?

Perasaan resah dan cemas di kalangan masyarakat adalah kerana orang ramai tidak mengetahui cara penyakit ini merebak.

Sungguhpun banyak teori dibuat berkenaan dengannya, satupun tidak muktamad tetapi, kita mengetahui bahawa virus yang serupa dengan virus penyakit kuning 'B' (Hepatitis B) ini merebak melalui darah yang dijangkiti dan melalui hubungan seks dengan orang yang kena penyakit ini.

SIAPAKAH YANG TERANCAM?

Profesor Alder dari rumah sakit Middlesex London berpendapat bahawa banyak mereka dalam kumpulan yang terdedah kepada penyakit ini sahaja yang patut bimbang. Mereka ini adalah dalam golongan tertentu termasuklah homoseksual, orang yang keluar darah secara berterusan (pesakit-pesakit hemofilia) yang terdedah kepada penerimaan darah yang mengandungi kuman AIDS. Penagih-penagih dadah yang menggunakan

AIDS PENYAKIT YANG SANGAT MEMBAHAYAKAN

OLEH Dr. Haji Johar bin Dato Paduka Haji Noordin, Pengarah Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan Negara Brunei Darussalam.

jarum suntikan yang belum dibersihkan dari kuman dan juga perempuan yang melakukan hubungan seks bersilih ganti lelaki dan perempuan (biseksual). Lebih daripada 80% kejadian AIDS adalah terdiri daripada kalangan homoseksual lelaki.

Virus boleh juga berpindah ke seseorang melalui tempat kena luka-luka pada badan. Kerana dengan yang demikianlah berkongsi meng-cukur dengan mangsa AIDS adalah membahayakan. Umumnya orang ramai tidaklah terancam. Juga dipercayai hanya 5% — 10% sahaja daripada mereka yang terdedah kepada kuman AIDS akhirnya menghidap penyakit ini. Bak kata orang, lebih mudah lagi seseorang itu disambar kilat daripada dijangkiti AIDS.

Beberapa orang penerima darah kena kuman AIDS. Profesor Alder mengatakan bahawa virus terdapat dalam darah yang dikutip dari penderma tidaklah begitu pesat bilangannya untuk membolehkan ianya menyebabkan penyakit AIDS. Inipun kalau terjadi hanyalah sangat jarang sekali sahaja.

Bagaimana ianya merebak dari Afrika Tengah sampai ke Amerika Syarikat tidaklah pasti. Dalam jangka 5 tahun kebelakangan ini, ianya telah melarat ke Amerika Syarikat, Eropah, Amerika Selatan, Asia dan Rantau Pasifik. Telah dilaporkan sebanyak 14,500 kejadian berlaku di seluruh dunia. Dari bilangan ini sebanyak 138 kejadian di Rantau Pasifik Barat di mana Negara Brunei Darussalam termasuk dalam lingkungannya.

Seterusnya dari jumlah 138 ini pula, 108 berlaku di Australia, 8 di Jepun, 10 di New Zealand, 5 di Thailand,

3 di Hongkong dan 1 di Syarikat di Malaysia.

Dipercayai bahawa bilangan kejadian yang sedikit di rantau ini bukanlah secara kebetulan sahaja. Malah ini adalah suatu perkara yang diakui oleh pihak pengkaji rebakan penyakit. Di samping itu juga ada pernyataan perubatan yang menunjukkan bahawa komposisi genetik bangsa Asia terutamanya bangsa mongolia mengandungi sesuatu yang dapat mengawal virus AIDS. Ini menjadikan mereka tidak mudah dijangkiti penyakit ini.

Walau bagaimanapun, virus AIDS mempunyai banyak persamaan dengan virus 'penyakit Kuning B'. Oleh yang demikian, ini mendatangkan tafa'da tanya bahawa jika penyakit kuning 'B' boleh menyerang penduduk Asia, kenapa pula tidak AIDS?

Jangka kuman AIDS membiak ialah 2 — 5 tahun dan kadang-kadang sampai 7 tahun. Mangsa AIDS menemui maut kerana virus AIDS tetapi kerana penyakit-penyakit lain seperti 'KOPOD'S SARCOMA' sejenis barah kulit dan radang pada paru-paru yang lazimnya dikaitkan dengannya. Pesakit-pesakit ADIS mudah kena serangan penyakit yang dimaksudkan tadi kerana sistem daya melawan penyakit yang ada secara semula jadi dalam diri mereka sebagai benting mencegah serangan kuman sudang dapat ditembusi oleh virus AIDS.

Sungguhpun kebanyakan AIDS menjangkit dari kuman lelaki kepada kaum perempuan, ada juga telah dilaporkan bahawa penyakit ini dijangkitkan oleh wanita.

Ada beberapa teori yang dikemukakan tentang cara

AIDS merebak. Misalnya, bahawa ianya direbakkan oleh nyamuk, atau kerana makan berkongsi piring, oleh penyedia-penyedia makanan yang kena penyakit ini, sentuhan tidak sengaja dengan orang yang kena penyakit ini di tempat-tempat kerja atau kerana berkongsi menggunakan tempat mandi dan tandas dan sebagainya.

Tetapi sejauh ini tidaklah ada suatu bukti yang menunjukkan kebenaran semua teori ini. Jikalau ada benarnya teori sedemikian, maka seluruh dunia pasti sudah dilanda penyakit ini dalam jangka waktu sejak 5 tahun ianya buat pertama kali dilaporkan dalam tahun 1981. Bermakna juga pastilah banyak sudah nyawa yang terkorban. Tetapi sebenarnya tidaklah sedemikian.

Pada hakikatnya AIDS tidaklah merebak seperti demam selema. Malah juga bukanlah berpunca daripada makanan.

Tidaklah dihairankan orang ramai merasa bimbang dan cemas kerana mereka tidak memahami penyakit ini sendiri dan caranya menjangkit. Rasa cemas ini berlebih-lebihan kerana pihak sebaran am telah menghebuahkan sangat perkara ini. Sejauh ini tidak ada laporan yang menyatakan bahawa pesakit menjangkitkan penyakit ini kepada para doktor dan kaum keluarga kecuali jika pesakit itu seorang ibu di mana penyakit ini dijangkitkannya sewaktu melahirkan.

Negara-negara dan kawasan-kawasan yang mudah jadi mangsa-mangsa penyakit ini adalah merupakan apa yang dikatakan orang asing sebagai 'Pusat-pusat Pelacuran terutamanya bagi

homoseksual lelaki'. Mereka dalam golongan inilah yang paling banyak kena penyakit ini setakat ini.

Seperti di kebanyakan negara lain di rantau ini, usaha telah pun dijalankan di Negara Brunei Darussalam untuk mencegah dan mengawal perebakan AIDS. Telahpun diusahakan supaya darah dermaan bebas dari pencemaran kuman AIDS dan pemeriksaan terhadap mereka dalam golongan yang sangat terdedah kepada penyakit ini pun akan segera diusahakan.

Sementara kajian pesat sedang dijalankan demi mendapatkan ubat bagi penyakit ini atau suntikan untuk mencegahnya, usaha yang paling baik dijalankan ialah mengadakan rancangan-rancangan pendidikan kesihatan pencegahan yang merupakan suatu perundangan yang paling baik melawan AIDS. Dari rancangan-rancangan ini

pula, orang ramai akan mengetahui cara-cara mencegah AIDS dan menghapuskan rasa bimbang dan cemas mereka. Penyakit ini dapat dikawal dengan mengubah sikap dan cara berfikir masyarakat supaya dapat mengurangkan persetubuhan haram dan menghentikan penyalah-gunaan dadah.

Dari itu, sekali lagi saya ingin menekankan tentang penglibatan masyarakat supaya bertanggungjawab terhadap kesihatan mereka sendiri. Dengan rasa tanggungjawab kemasyarakatan mereka terhadap masyarakat dan tatasusila masyarakat, mereka lebih berkemampuan mencegah AIDS dibandingkan dengan Perkhidmatan-perkhidmatan Kesihatan atau Pihak Kerajaan.

'Sains tidaklah boleh menyelamatkan kita daripada AIDS. Kita terpaksa berusaha menyelamatkan diri kita sendiri.



Pertemuan Guru-Guru Nusantara kali ke-2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) akan menganjurkan Persidangan ASEAN Council of Teachers kali ke-7 dan Pertemuan Guru-Guru Nusantara kali ke-2 bertempat di Institut Pendidikan Sultan Hassan al-Bolkiah pada bulan Disember depan.

Persidangan ACT akan diadakan selama empat hari bermula 17 Disember, dan persidangan yang julung-julung kalinya dianjurkan di Negara Brunei Darussalam itu bertemakan 'Education for Nation Building' yang bertujuan bagi meningkatkan pelajaran serantau dan memupuk semangat silaturahmi antara guru-guru ASEAN.

ASEAN Council of Teachers telah ditubuhkan dalam tahun 1978 dan persidangan serupa ini diadakan setiap tahun secara bergilir-

gilir di kalangan negara-negara anggota ASEAN.

Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei telah menjadi anggota penuh dalam Persidangan ACT kali ke-6 di Bangkok, sebaik-baik saja Brunei Darussalam diterima sebagai anggota penuh ASEAN.

Sementara itu, Pertemuan Guru-Guru Nusantara kali ke-2 akan diadakan selepas Persidangan ACT iaitu pada 21 Disember, dengan bertemakan 'Ke arah Mengketengahkan Bahasa Nusantara.'

Pertemuan tersebut adalah gabungan empat buah negara, guru-guru Melayu Brunei Darussalam, Malaysia, Indonesia dan Singapura. Ianya bertujuan untuk bertukar-tukar pendapat dalam bidang Bahasa Melayu (Bahasa Nusantara).

MAKLUMAN

ADALAH dengan ini dimaklumkan bahawa Indent-Indent yang tersebut di bawah ini telah didapati hilang dari Buku Indent Bil. 179 kepunyaan Bahagian Bengkel Jabatan Kerja Raya, Jalan Tasek Lama, Bandar Seri Begawan, Brunei.

- 1) Indent Bil. 720875 salinan asal dan kedua
- 11) Indent Bil. 720878 salinan asal dan kedua
- 111) Indent Bil. 720886 salinan asal dan kedua
- 1V) Indent Bil. 720892 salinan kedua dan ketiga
- V) Indent Bil. 720894 salinan asal dan kedua

Oleh yang demikian Indent-Indent yang tersebut itu adalah dibatalkan bagi sebarang kegunaan.

MEREKA dalam golongan tertentu termasuklah homoseksual, orang yang keluar darah secara berterusan (pesakit-pesakit hemofilia) yang terdedah kepada penerimaan darah yang mengandungi kuman AIDS. Penagih-penagih dadah yang menggunakan jarum suntikan yang belum dibersihkan dari kuman dan juga perempuan yang melakukan hubungan seks bersilih ganti dan perempuan (biseksual). Lebih daripada 80 peratus kejadian AIDS adalah terdiri daripada kalangan homoseksual lelaki.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.....Siri ke-305

Makmum mendahului amin dari Imam, mendengar azan di masjid dan tidak pergi ke masjid dan makmum memberi salam sebelum Imam.

Hendaklah diketahui mengucap amin selepas membaca Fatihah adalah sunat, dan bahawa makmum mengucap amin setelah imam selesai dari Waladdhallin itu, adalah sunat, dan sunat amin makmum serta dan sama dengan amin imam itu ertinya amin makmum itu serempak dengan amin imamnya itu. Ini tersebut dalam Kitab Al-Tuhfah di atas Al-Minhaj bagi Al-Imam Ibnu Hajar dan tersebut dalam Sharhul-Muhazzab bagi Al-Imam An-Nawawi, kedua-duanya pakar dalam Mazhab Al-Imam Ash-Shafie yang kita orang-orang sebelah sini menganut Mazhab Ash-Shafie itu.

Berkata Al-Allamah Al-Malibari dalam Fathul-Mu'en :

Sunat bagi makmum dalam sembahyang nyaring, mengucap amin bersama amin imam, kiranya dia dengar amin imam itu, ialah menurut hadis Al-Imam Bukhari dan Muslim yang berbunyi : Apabila imam itu mengucap amin (apabila ia hendak mengucap amin) maka kamu mengucap amin, kerana barangsiapa serentak aminnya dengan amin malaikat (malaikat mengucap amin ketika mendengar amin imam) maka ia diampunkan dosanya yang telah lalu. Dan tiadalah sesuatu yang sunat bagi kita dalam sembahyang pada berjaga-jaga bagi serentak mengucap sesuatu dengan imam melainkan makmum mengucap amin serentak dengan ucapan amin imam sahaja adalah sunat (tiada pada yang lain).

Jadi tiada benar perkataan orang yang mengatakan bila makmum mendahului amin dari amin imam selesai imam membaca Waladdhallin dari Fatihah dalam sembahyang itu, maka batal sembahyang makmum itu.

Sembahyang berjemaah di

masjid itu adalah suatu fardu kifayah ke atas orang laki-laki yang merdeka, yang bermukim, yang ada pakaian menutup aurat, pada sembahyang fardu yang lima yang adaan bukan qadhaan.

Berkata Al-Imam An-Nawawi dalam Al-Minhaj :

Sembahyang berjemaah dalam sembahyang fardu yang lima itu adalah sunat muakkad (yang sangat dituntut), dan kata qil : Fardu Kifayah bagi laki-laki sahaja, maka wajib didirikan jemaah itu kira-kira nyata dan nampak sembahyang jemaah di dalam sesuatu kampung dan tempat itu, jika semua orang kampung itu enggan dari mendirikan sembahyang jemaah, maka mereka dikerasi oleh raja dan diperangi akan mereka sehingga mereka mendirikan jemaah. Berkata Al-Imam An-Nawawi : Saya kata : Qaul yang lebih sah dari qaul-aul atau nas-nas Al-Imam Ash-Shafie Radhiallahu Anhu adalah sembahyang berjemaah pada sembahyang fardu itu, adalah fardu Kifayah.

Maka dari perkataan ulama yang di atas ini wajib di atas orang laki-laki yang tiada uzur Shar'ei mendirikan jemaah dan uzur Shar'ei itu seperti sakit, lapar, tiada pakaian menutup aurat, me-jaga orang sakit, hujan dan lain seumpamanya. Bagaimana disebutkan ulama dalam perkara uzur berjemaah dan uzur jumaat dalam kitab-kitab Feqah.

Sembahyang berjemaah di masjid lebih afdal dan lebih utama dari berjemaah di luar masjid atau di tempat-tempat lain dari masjid.

Umat Islam yang mengam- bil berat akan hukum berjemaah dalam sembahyang dan menjalankan amal berjemaah dalam sembahyang-sembahyang fardu itu

bagaimana saya lihat ialah umat Islam di Negeri Sa'udi dan di Negeri Pakistan sehingga di hotel-hotel maka mereka beramal dan mendirikan sembahyang berjemaah bila mereka berhimpun dan berkumpul-kumpul di hotel-hotel itu, dan mereka mendirikan jemaah pada awal-awal waktu sembahyang di Negeri Sa'udi dan mereka menutup kedai-kedai kerana sembahyang jemaah di masjid-masjid.

Hendaklah diketahui bahawa menurut suatu hadis bahawa satu sembahyang berjemaah itu lebih afdal lebih utama dari sembahyang bersendirian dengan dua puluh tujuh darjah dan erti darjah itu ialah sembahyang atau ganda ertinya orang sembahyang dengan berjemaah ia mendapat pahala 27 sembahyang tiada dengan berjemaah, berjemaah atau sembahyang berjemaah pahalanya dua puluh tujuh kali ganda dari sembahyang bersendirian. Hadis ini diriwayatkan oleh Al-Imam Malik, Al-Bukhari, Muslim, At-Termidzi dan An-Nasaei.

Daripada sahabat Ibnu Masud Radhiallahu Anhu telah berkata : Barangsiapa suka menemui Allah Taala besok pada hari kiamat hal keadaannya ia orang Islam, maka hendaklah ia pelihara sembahyang yang lima ini, ketika bilal memanggil orang mengajak sembahyang, kerana bahawasanya Nabi kamu Sallallahu Alaihi Wasallam telah menshara'kan Sunnatul-Huda, dan setengah-tengah dari Sunnatul-Huda itu ialah sembahyang berjemaah, jikalau kiranya kamu sembahyang di dalam rumah kamu, sebagaimana orang yang lengah sembahyang di rumahnya, nescaya kamu meninggalkan sunat dan perjalanan Nabi kamu, jikalau kiranya kamu meninggalkan

sunat Nabi kamu, nescaya kamu akan sesat (sekarang setengah-tengah umat Islam sesat dari perjalanan Rasulullah dengan sebab tiada sembahyang berjemaah). Seseorang itu pergi bersuci dan ia bersuci dengan betul sempurna, kemudian ia pergi menuju ke mana-mana masjid, nescaya Allah Taala tuliskan baginya dengan tiap-tiap satu langkahnya yang ia langkah itu akan satu pahala. Dan Allah Taala angkatkan dia dengan satu langkah itu akan satu darjah, dan Allah Taala gugurkan daripadanya dengan satu langkahnya itu akan satu kesalahannya, demi kami melihat (pada zaman Rasulullah) orang yang lengah dari sembahyang jemaah itu ialah orang munafik yang diketahui nifanya dan kufurnya (atau orang sakit) dan kami melihat bahawa seseorang itu dipimpin di antara dua orang pergi berjemaah sehingga ia sampai berdiri dalam saf-saf sembahyang.

Hadis ini diriwayatkan oleh Al-Imam Muslim, Abu Daud, An-Nasaei dan Ibnu Majah.

Bagaimana telah sahabat-sahabat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan orang salap dahulu kala daripada umat Sayidina Muhammad mengambil perhatian berat pada mendirikan berjemaah. Wallahuaklam dan berjemaah itu menguatkan muhibah dan tali persaudaraan Islam di sesuatu tempat itu.

Adalah seseorang makmum yang telah memberi salam sedangkan imam belum habis salam yang kedua maka ianya telah terkeluar dari berjemaah, kerana jemaah sembahyang itu selesai dengan selesai salam imam kali yang pertama tetapi makmum masih terikat dengan imam

selagi imam belum selesai memberi salam yang kedua.

Berkata Al-Allamah Al-Malibari dalam Fathul-Mu'en : Sunat makmum itu memberi salam setelah selesai dua salam imamnya.

Berkata Shaikhul-Islam Al-Baijuri dalam Fathul-Qarib menurut hadis Al-Imam Muslim bahawa mula sembahyang itu dengan Takbirullah Akbar dan selesai sembahyang dan keluar dari sembahyang itu dengan salam yakni salam yang pertama.

Berkata Al-Allamah As-Syed Al-Bakri dalam Al-I'alah : Sunat salam yang kedua itu ialah mengikut hadis yang diriwayatkan oleh Al-Imam Muslim. Berkata Al-Qalyubi : Salam yang kedua itu suatu perkara yang mengikut sembahyang dan bukan ia dari perkara sembahyang menurut Al-Qaul Al-Muktamad.

Jika makmum itu mendahului salam imamnya dengan salamnya yang pertama, maka batal sembahyangnya kiranya ia tiada niat Mufaraqah, bagaimana tersebut dalam Al-Tuhfah dan ibarat Syarhu Nazmiz-Zubid bagi Al-Imam Al-Jamalur-Ramli : Makmum mendahului dengan memberi salam, adalah membatalkan sembahyangnya kiranya ia tiada niat, niat mufariqah atau tiada niat berpisah daripada imamnya.

Jika makmum serentak dengan imam selain dari serentak pada Takbiratul-Ihram, pada kelakuan sembahyangnya, tiadalah menjadi mudarat dan tiada ia berdosa. Dan jika makmum serentak salamnya dengan salam imamnya dalam kelakuan dan dalam ucapan itu adalah makruh dan luputlah daripadanya pahala berjemaah.



Jadi makmum yang telah memberi salam yang kedua sebelum imamnya memberi salam yang kedua, maka dia telah Mufaraqah dan meninggalkan imamnya dengan tiada apa-apa uzur, dan ia telah membuat makruh dan luput fadilat berjemaah daripadanya, dan tiada dapat pahala jemaah, bagaimana kata Al-Allamah Al-Malibari dalam Fathul-Mu'en : Harus Mufaraqah dengan tiada apa-apa uzur tetapi mufaraqah dengan tiada uzur itu makruh dan luput fadilat jemaah daripadanya. Jika makmum ini memberi salam pertama sebelum imam selesai dari mim salam yang pertama maka batal sembahyang makmum itu kiranya ia tiada niat berpisah dan mufaraqah daripada imamnya.

WALLAHUAKLAM

Penyampaian hadiah

MABOHAI. — Sekolah Rendah Kerajaan Mabohai, akan mengadakan Majlis Penyampaian Hadiah bagi keputusan pelajaran dan mata-mata pelajaran terbaik bagi tahun 1985. Majlis tersebut diselenggarakan juga bagi Majlis Penutup sekolah berkenaan.

Majlis Penyampaian Hadiah itu akan dilaksanakan pada hari Selasa, 10 Disember, 1985 bertempat di Dewan Sekolah Rendah Kerajaan Mabohai, di sini.

Perkhidmatan perubatan

BANDAR SERI BEGAWAN.

Rombongan perubatan yang menggunakan pesawat helikopter akan membuat lawatan ke beberapa kawasan pedalaman di daerah-daerah Belait, Tutong dan Temburong pada bulan Disember ini.

Perkhidmatan perubatan akan diadakan bagi penduduk Kampong Biang Menengah dan Lamaling di Daerah Temburong pada 2 Disember, dan Kampong Lopat pada 31 Disember.

Sementara itu, rombongan tersebut akan berada di Kampong Ukong di Daerah Tutong pada 3 Disember, Belatau pada 9 Disember, Supon Besar pada 11 Disember, Long Mayan pada 16 Disember, Kampong Bukit pada 17 Disember, Benutan pada 24 Disember dan Mapol pada 30 Disember.

Di Daerah Belait, rombongan perubatan akan mengadakan lawatan ke Kampong Sukang pada 4 Disember, Melilas pada 10 Disember, Teraja dan Apak-Apak pada 18 Disember serta Buau pada 23 Disember.

DUA KELUARGA MEMELUK UGAMA ISLAM

DUA keluarga berbangsa filipina masing-masing mempunyai seorang anak telah memeluk agama Islam di rumah Yang Dimuliakan Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Setia Haji Mohamad Tamin bin Abdul Hamid pada 22 November, yang lalu.

Awang Dionisio G. Magpantay, 34, isterinya Dayang Amma M. Magpantay, 37, dan anak lelaki mereka Awang Don M. Magpantay, 3, kini dikenali sebagai Awang Yusof bin Abdullah, Dayang Zaleha binti Abdullah dan Awang Ismail bin Yusof.

Sementara itu satu keluarga lagi, Awang Lolito U.

Valbarez, 29, isterinya Dayang Renilda P. Rivas, 28, dan anak mereka Dayang Recquel Victoria R. V., 4 bulan juga memeluk Islam. Mereka kini dikenali sebagai Awang Abdul Latif bin Abdullah, Dayang Noor Lailawati binti Abdullah dan Dayang Noor Asmah binti Abdul Latif.

Majlis tersebut turut dihadiri oleh Ketua Kampong Tasek Meradun, Pengiran Haji Ahmad bin Pengiran Mohd. Daud. Majlis pengislaman dilaksanakan sendiri oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Setia Haji Mohamad Tamin.



KELIHATAN YDM Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Setia Haji Mohamad Tamin (membelakangi gambar) mengislamkan dua keluarga Filipina. Dari kiri, Awang Abdul Latif, Dayang Noor Lailawati, Dayang Zaleha, Awang Ismail dan Awang Yusof. — (gambar oleh Mas Osman)



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung turun dari pesawat pribadi Baginda oleh Ketua Protokol Diraja Istana Muscat, Tuan Saif bin Hammad Al-Busaidi (atas kiri).

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam diperkenalkan kepada menteri-menteri kabinet Oman oleh Ketua Protokol Diraja Istana Muscat, Tuan Saif bin Hammad Al-Busaidi (atas).

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika memeriksa perbarisan Pasukan Kawalan Diraja sebaik-baik sahaja Baginda berangkat tiba (kiri).

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama Duli Yang Maha Mulia Sultan Qaboos; Duli Yang Maha Mulia Raja Hussien, Raja Jordan dan Presiden Sudan, Tuan Yang Terutama, Tuan Abd. Rahman Swanal Thaheb di Persembahan Penuntut-Penuntut Sekolah di Stadium Kompleks Sukan Sultan Qaboos (kanan).

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenaan berangkat bercemarduli ke Oman bagi menghadiri Upacara Perayaan Hari Kebangsaan Kesultanan Oman yang ke-15 baru-baru ini.

Selapas itu, Baginda berkenaan pula memerikan barisan kawalan kehormatan dan diperkenalkan kepada pembesar-pembesar Oman.

BERANGKAT

Pada 18 November, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Qaboos bin Said, Sultan Oman, bersama lebih 50 ketua negara sama-sama menyaksikan Perhimpunan Hari Kebangsaan Kesultanan Oman di Stadium Maiden Al-Falaj, diipenuhi dengan perbarisan dan persembakan ketenteraan.

Pada sebelah malamnya, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenaan berangkat menghadiri Istisna' santapan di Dewan Al-Majan, Istana Al-Busaidi diberikan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Qaboos bin Said bagi ketua-ketua negara dan perwakilan negara yang menghadiri perayaan Hari Kebangsaan Oman.

MENERIMA MENGADAP

Di hari kedua 19 November, Kebawah Duli Yang Maha Mulia mempunyai aturcara yang sibuk berkenaan menerima mengadap ketua-ketua menteri luar di Istana Al-Bustan, tempat berbaris Baginda selama berada di sana yang terletak 48 kilometer dari Lapangan Terbang Antarabangsa Seeb.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika menerima mengadap Presiden Sudan, Tuan Yang Terutama Presiden Abdul Swanal Thaheb (gambar atas sekali), dan Perdana Menteri India, Yang Amat Berhormat, Tuan Rajiv Gandhi.



YAH DYMM BERANGKAT HADIRI HARI NGSAAN KESULTANAN OMAN KE-15



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama Duli Yang Maha Mulia Sultan Qaboos; Duli Yang Maha Mulia Raja Hussien, Raja Jordan dan Presiden Zia Ul Haq ketika berangkat di Upacara Perarakan Hari Kebangsaan Oman.

Laporan: Abd. Karim HAB

Gambar: Pg. Haji Yaakub

pemimpin-pemimpin yang mengadap ke majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia terdiri dari Sudan, Tuan Yang Terutama, Tuan Abdul Swael Thaheb, Presiden Maldives, Tuan Terutama, Tuan Mamoon Abdul Gayoom; Pakistan, Tuan Yang Terutama Jeneral d Zia Ul Haq; Menteri Hal Ehwal Luar Senegal, Tuan Yang Terutama Tuan Sayyid Ibrahim Fal dan Menteri Minyak Arab Saudi Syekh Zaki Yamani.

ulu dari itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia menerima mengadap Putera Mahkota, Yang Teramat Mulia Putera Mohamed II dan Perdana Menteri India, Yang Amat Mulia Rajiv Gandhi.

BERANGKAT KUNJUNG

ah Duli Yang Maha Mulia juga berkenan berangkat ke majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Qaboos bin Said, Sultan Oman dan Duli Yang Maha Mulia Raja Hussien bin Talal, Raja Jordan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berada di sana juga berkenan berangkat mengunjungi Duli Yang Maha Mulia Raja Hussien bin Talal, Raja Jordan.

Di sebelah malam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama Duli Yang Maha Mulia Sultan Qaboos dan lain-lain ketua negara berkenan berangkat menyaksikan Persembahan Hari Kebangsaan dari 12,000 penuntut sekolah di Kompleks Sukan Qaboos, Baushar.

Setelah itu, Baginda dan para ketua negara yang lain berangkat ke Istana Al-Alam bagi istiadat Persantapan yang diberikan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Qaboos bagi meraikan ketua-ketua negara dan perwakilan negara yang dijemput khas ke Perayaan Hari Kebangsaan ke-15 negara itu.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan berangkat pulang ke negara ini kira-kira pukul 4.00 pagi.

Yang Teramat Mulia, Tuan Sayyid Thuwainy bin Shibab, Wakil Pribadi Duli Yang Maha Mulia Sultan Qaboos bin Said dan lain-lain kerabat Diraja Oman berada di Lapangan Terbang Diraja Seeb bagi mengucapkan selamat belayar kepada Baginda dan rombongan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika menerima berangkat kunjung Duli Yang Maha Mulia Raja Hussein, Raja Jordan (gambar atas), Presiden Pakistan, Jeneral Zia Ul Haq ketika mengadap ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (gambar bawah).



Maha Mulia Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menerima mengadap Putera Mahkota, Yang Teramat Mulia Putera Mohamed II dan Perdana Menteri India, Yang Amat Mulia Rajiv Gandhi.

Arab Saudi, Menteri Minyak Arab Saudi Syekh Zaki Yamani.

Kanak-kanak perlu difahamkan peraturan di jalan raya

SERIA. — Sekolah Misi St. Michael's Kuala Belait, juara tahun lepas, menyandang juara lagi tahun ini dalam Pertandingan Peringkat Akhir Permainan Lalulintas Shell kali ke-8 yang diadakan pada pagi 24 November lepas.

Tempat kedua dimenangi oleh Sekolah Misi St. John's juga dari Daerah Belait, manakala mendapat tempat ketiga ialah Sekolah Rendah Kerajaan Pintu Malim dari Daerah Brunei-Muara.

Pertandingan yang berlangsung di Taman Permainan Lalulintas Shell di Lorong 11 di sini telah dirasmikan oleh Setiausaha Tetap (Teknikal) di Kementerian Pembangunan, Dr. Pengiran Ismail bin Pengiran Haji Damit. Juga

berucap ialah Awang Ibrahim bin Haji Jumat, Pegawai Perhubungan Masyarakat yang juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Permainan Lalulintas Shell.

Pengiran Dr. Ismail antara lain menekankan pentingnya fahaman kepada kanak-kanak mengenai undang-undang dan peraturan serta keselamatan di jalan raya berikutan dengan meningkatnya jumlah kenderaan di negara ini.

Selain itu, perasaan sabar dan bertimbang rasa juga perlu ditanam di jiwa bakal pemandu-pemandu kenderaan bagi meningkatkan keselamatan di jalan raya. Ini adalah kerana, katanya, sifat kurang bertimbang rasa dan tidak sabar

telah banyak mengakibatkan terjadinya kemalangan.

Sepuluh pasukan, empat dari Daerah Brunei-Muara, dan masing-masing dua hari Daerah Belait, Tutong dan Temburong telah mengambil bahagian dalam pertandingan itu. Hadiah-hadiah telah disampaikan oleh tetamu kehormat, Pengiran Dr. Ismail.

Antara acara itu ialah persembahan permainan lalulintas dan para tetamu juga dibawa menyaksikan Pameran Keselamatan Jalan raya, yang dihasratkan bagi memberi kesedaran tentang keselamatan di jalan raya di kalangan kanak-kanak sekolah dan juga masyarakat umum.



WAKIL dari Sekolah Misi St. Michael's kelihatan sedang menerima hadiah kemenangan bagi sekolahnya dari Pengiran Dr. Ismail. — Gambar oleh Harun Rashid.



PESERTA-peserta kelihatan sedang membuat persembahan. — Gambar oleh Harun Rashid.



YDM Pehin Udana Khatib Ustaz Awang Haji Badaruddin ketika berucap di sambutan Maulud bagi memperingati hari keputeraan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang bertempat di Jabatan Penerangan di ibu negara Selasa lepas. — Gambar oleh Ak. Bahar.

Akidah Islamiah perlu dipertahankan

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Penghayatan Islam dengan cara mengukuhkan akidah Islamiah serta peningkatan amal menurut kehendak-kehendak Allah perlu dipertahankan.

Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Ustaz Awang Haji Badaruddin berkata, seperti mana waris-warisan kita di zaman dahulu yang telah memelihara dan mempertahankan kedudukan dan kemuliaan agama, maka kita tentu akan berbuat seperti

Oleh Haniza Abdullah

mereka, kita cemburu dan waspada terhadap sebarang kemungkinan yang boleh menjejaskan kedudukan dan kemuliaan agama.

Berucap di sambutan Maulud sempena memperingati hari keputeraan Nabi Muhammad S.A.W. anjuran Badan Kebajikan dan Sukan Jabatan Penerangan yang berlangsung di Bilik Per-

sidangannya di sini Selasa lepas, Yang Dimuliakan Pehin seterusnya berkata, bahawa penghayatan Islam itu adalah menyeluruh di mana kefahamannya telah menjiwai bangsa kita sehingga negara kita mencapai semula tarap kedaulatannya baru-baru ini.

Memulakan majlis pada petang itu ialah bacaan ayat-ayat suci Al-Quran yang telah disampaikan oleh Awang Haji Tejuddin bin Ibrahim serta diikuti dengan ucapan dari Pengerusi Majlis iaitu Awang Haji Sulaiman bin Haji Abd. Wahab.

Sementara itu majlis telah diserikan lagi dengan sebuah ceramah khas oleh seorang pegawai dari Pusat Dakwah Islamiah Ustaz Awang Haji Daud bin Juned serta Zikir Maulud oleh pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan yang telah diketuai oleh Pengiran Haji Md. Yusof bin Pengiran Abu Bakar.

Pengarah Kebajikan Belia dan Sukan Pg. Asmalee bin Pg. Ahmad di Pejabat Kebajikan Belia dan Sukan pada hari Khamis lepas.

Derma tersebut telah disampaikan oleh Yang Dipertua badan tersebut Pg. Hasnan bin Pg. Johari dan disaksikan oleh Richard Lai selaku Bendahari badan itu.

BERAKAS. — Tabung Kebangsaan Orang-orang Cacat dan Tabung Kebangsaan Anak-Anak Yatim masing-masing telah menerima \$1,325.50 dari Badan Kebajikan Ujama dan Sukan Jabatan Pelabuhan.

Derma tersebut telah diterima oleh Timbalan

Penyampaian derma

Kursus Pengurusan Penerbangan Awam di Manila

BANDAR SERI BEGAWAN

— Seramai 24 orang peserta dari 14 buah negara yang terdiri daripada Negara Brunei Darussalam, Malaysia, Sri Lanka, Vietnam, Pakistan, China, Mesir, Thailand, Afghanistan, Maldives, Indonesia, Swaziland, Republik Korea dan Filipina telah

mengikuti Kursus Pengurusan Penerbangan Awam (Civil Aviation Management Course) di Manila dari 25 Oktober hingga 15 November 1985 yang lalu.

Kursus tersebut adalah kelolaan bersama Kementerian Pengangkutan dan Perhubungan Filipina

dan Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO) di bawah rancangan Kema-juan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) dan Negara Brunei Darussalam telah diwakili oleh Pengiran Abdul Rahman bin Pengiran Ratna Wangsa Pengiran Haji Metussin Pegawai Pentadbir Jabatan Penerbangan Awam.



PESERTA Negara Brunei Darussalam, Pengiran Abdul Rahman bin Pengiran Ratna Wangsa Pengiran Haji Metussin bergambar ramai dengan sebahagian graduan-kursus Kursus Pengurusan Penerbangan Awam (2 dari kanan), Mostafa Abd-el-Azim El Gallad, Pengarah Umum, Lapangan Terbang Awam, Mesir (paling kanan), Murice Victor Soliman, Pengarah Umum, Embaba Aerodome, Cairo, Mesir (2 dari kiri), Abang Abdullah bin Abang Haji Joss, Penguasa Lalulintas Udara, Lapangan Terbang Kucing, Malaysia (1 dari kiri) — Gambar Ihsan Jabatan Penerbangan Awam.

rtb Intisari minggu ini

Radio Minggu Ini:

STRATEGI RANCANGAN UNTUK TAHUN BARU

BAGI kakitangan-kakitangan radio, khususnya mereka yang terlibat dalam penghebahan dan penerbitan harian radio, memang sudah lazimnya akan menerima dan menghadapi apa yang difahami dan dipanggil sebagai 'strategi' rancangan radio bagi setiap menjelang tahun baru. Perkara ini tak boleh tidak, pasti akan dihadapi pada setiap menjelang hujung tahun.

Sejak bulan November lepas, strategi tersebut telah pun dimesyuaratkan dan diputuskan atas persetujuan pihak individu penerbit-penerbit dan pembantu-pembantu mereka masing-masing.

Menurut laporan bagi penyusunan semula penerbit-penerbit rancangan-rancangan Bahagian Melayu radio untuk tahun 1986 ini, nampaknya rancangan-rancangan di tahun 1986 masih banyak yang dikekalkan untuk dikeudarkan. Seperti dulu juga rancangan-rancangan ini adalah di bawah tujuh cerai, iaitu dibahagikan kepada Bahagian-bahagian Ugama, Dokumentari, Drama, Wanita dan Kanak-kanak, Hiburan, Sukan dan Hal-Ehwal Semasa.

Rancangan-rancangan yang diterbitkan itu akan diterbitkan sama ada dengan menggunakan format yang baru ataupun diolah dengan cara yang sama seperti sebelumnya. Dalam pada itu pula, di samping majoriti rancangan-rancangan yang diterbitkan dari studio radio di Bandar Seri Bega-

wan ini, penerbit-penerbit di Kuala Belait juga ada mengusahakan beberapa buah rancangan untuk dikeudarkan secara mingguan, harian ataupun secara bergilir.

Rata-rata masing-masing penerbit telah ditentukan dengan tugas mereka sendiri. Walaupun begitu, sesuatu tugas itu pasti akan menjadi ringan dan akan lebih berjaya lagi dengan adanya kerjasama yang erat di kalangan penerbit-penerbit itu sendiri. Dan sebagai ekor dari kerjasama ini mungkin akan membuahkan rancangan-rancangan yang bermutu selaras dengan kehendak kita dan pendengar untuk sama-sama menseimbangkan mutu rancangan dengan usia radio yang akan semakin meningkat menjelang tahun baru ini nanti.

Pengekalan rancangan rancangan yang berkenaan adalah difikirkan perlu memandangkan ianya masih mendapat tempat dan sambutan yang sewajarnya daripada peminat-peminat radio. Jika diukur dengan orang, semakin bertambah usia, semakin matangnya pemikiran. Dan begitulah juga yang diharapkan dengan rancangan-rancangan radio, semakin lama ianya dikekalkan, semakin teballah juga kualitinya.

Tetamu Radio

T E T A M U undangan minggu ini ialah Raja Gelek Malaysia—Saudara M. DAUD KILAU. Temubual Zaini Mohd Yusof (kanan) bersama beliau akan disiarkan pada hari Ahad 8 Disember jam 4.30 petang.



TALENTIME SEPARUH AKHIR PERTAMA

SERAMAI 28 orang peserta telah melayakkan diri ke peringkat separuh akhir yang akan dibahagikan ke dalam tiga buah kumpulan. Seperti biasa siarannya akan dapat awda ikuti menerusi perkhidmatan Inggeris (Radio) pada tiap-tiap hari Ahad jam 11.00 pagi. Di samping itu awda juga akan

dapat menonton siarannya melalui kaca TV awda pada tiap-tiap malam Rabu selepas berita dalam bahasa Melayu. Rancangan Separuh Akhir yang pertama akan disiarkan pada 8 Disember ini (melalui Radio) dan 10 Disember (melalui TV). Sepuluh orang peserta yang akan muncul dalam siaran pertama

ini ialah: Dk Noorleha bte Pg Mahari Sarimah Suhaili, Zainab bte Julaihi Rostina Mohd Hussein, Mohd Amir bin Sapar, Bahrin Haji Abu Bakar, Marhana bte Haji Abdullah, Hjh Suria Haji Manggong, Jofery bin Haji Abdul Rahman dan Haji Mahmud bin Masron.

Sandiwaras Radio: "SHIGOTO"

SEBUAH cerita fiksi yang berdasarkan fakta-fakta sejarah akan memenuhi para peminat Sandiwaras Radio Minggu Ini melalui cerita yang berjudul SHIGOTO, tulisan Z. A. Brunei.

Berpunca dari kunjungan seorang lelaki Jepun yang tidak dikenali ke pejabat Salleh, ingatan-nya terus berligar kepada peristiwa ketika zaman pendudukan Jepun dulu. Ia tiba-tiba ingin memberitakan stor rumahnya dan bertujuan untuk mencari sesuatu yang lama tersimpan di stor itu adalah pemberian kenangan dari Shigoto, seorang sahabat yang berbangsa Jepun yang ditemuinya se-

masa perang dunia kedua, 40 tahun lalu.

Peristiwa itu bermula bila Salleh ketika itu lari bersama ayah dan isterinya. Dengan itu mereka terselamat dari menjadi hamba kepada orang-orang Jepun. Kebetulan pula isteri Salleh ketika itu sedang sarat mengandung.

Segala peristiwa itu telah diceritakan semula kepada Norain, anak bungsu Salleh. Melalui ceritanya itu, kita dibawa untuk meninjau kembali keadaan orang-orang Melayu ketika di bawah pemerintahan Jepun yang terkenal dengan kekasarannya.

Walau bagaimanapun, tidak semua tentera-ten-

tera Jepun itu berpendirian bengis dan keras. Seorang tentera Jepun yang dikenali sebagai Shigoto itu ternyata berbeza. Ia tidak gemar dengan peperangan, kerana peperanganlah yang membunuh abang dan keluarganya. Dalam banyak hal, ia telah memberikan bantuan kepada mereka dan membekalkan ubat secara sem-

bunyi-bunyi kepada keluarga Salleh.

Satu hari, datang seorang yang mengenalkan dirinya sebagai Haji Ismail. Salleh tersentak bila melihatnya. Dalam pandanganannya Haji Ismail itulah Shigoto. Bagaimana kisah selanjutnya? Ikutilah siarannya nanti pada 8 Disember, 1985 jam 11.15 pagi.

Rancangan ini diterbitkan oleh Haji Abdullah Awang Damit.

Mari Memasak:

AYAM GORENG ROS

Bahan-bahannya :

- 1 ekor ayam, beratnya 3 kati
- 1 cawan tepung naik sendiri
- 1 tin susu cair
- 2 biji telur, dipukul
- 4 biji ubi kentang, dihiris nipis
- 10 ulas bawang merah, dimayang
- 2 labu bawang besar, dibelah empat
- 2 biji tomato, dihiris bulat
- 1 sudu margarin
- 1 botol minyak makan
- 1 sudu gula
- garam dan serbuk perasa.

Cara-caranya :

Ayam dipotong 12 keping dan dibasuh. Tepung dibancuh dengan

telur dan air secukupnya taruh garam. Panaskan minyak dalam kuali. Celupkan ayam pada tepung dan goreng hingga kuning dan garing. Angkat dan toskan minyaknya. Kemudian goreng ubi kentang hingga kuning dan angkat.

Panaskan margarin dalam kuali, goreng bawang merah hingga garing dan masukkan air satu cawan tomato, bawang besar, gula, garam, dan serbuk perasa. Bila sudah mendidih masukkan susu dan masak hingga pekat. Barulah diangkat dan aturkan ayam dalam piring alas dengan daun salad dan hias dengan ubi kentang. Barulah tuangkan kuah di atasnya.





Rancangan

Rancangan



RADIO

WAKTU SIARAN:

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam setiap hari.

SIARAN F.M. STEREO

92.3 MHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
93.8 MHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

GELOMBANG SEDERHANA

675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

HARI RABU

4 DISEMBER

PAGI: 9.00 — Taman Mekar (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Permintaan Pagi Rabu, 11.15 — Tinjauan.

TENGAH HARI: 1.30 — Mutiara Asli.

PETANG: 2.00 — Tetamu Radio (SU), 2.30 — Hiburan Petang, 3.15 — Lagu-lagu Tanpa Nyanyian, 3.30 — Hiburan, 4.00 — Suara Kugiran (SU), 4.30 — Ruangan Katani, 5.00 — Rampai Petang, 5.45 — Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Titian Budaya (SU), 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Lagu-lagu Selingan, 8.30 — Permintaan Sukaramai, 9.30 — Senandung Malam.

HARI KHAMIS

5 DISEMBER

PAGI: 9.00 — Lagu-lagu Dari Kaset, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Ronggeng Tanahair (SU), 10.30 — Permintaan Sukaramai.

TENGAH HARI: 1.30 — Senandung Lagu-lagu Lama.

PETANG: 2.00 — Hiburan, 2.15 — Hiburan Selingan, 2.30 — Muzika Tanahair (SU), 3.30 — Majalah Ugama, 4.00 — Drama Dari Novel, 5.45 — Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Bacaan Surah Yassin, 8.15 — Lagu-lagu Selingan, 8.30 — Bimbingan Al-Quran, 9.00 — Lagu-lagu Berirama Asli, 9.30 — Tafsir Al-Quran.

HARI JUMAAT

6 DISEMBER

PAGI: 9.00 — Majalah Radio (SU), 9.30 — Nada Pedoman, 10.15 — Soalan Di Udara, 10.30 — Tafsir Al-Quran (SU), 11.00 — Hiburan Lagu-lagu Asli, 11.30 — Bimbingan Al-Quran (SU).

TENGAH HARI: 12.00 — Pedoman Hidup, 12.30 — Bacaan Al-Quran, 12.45 — Azan Sembahyang Fardu Jumaat, 1.00 — Majalah Ugama (SU), 1.45 — Lagu Instrumental Melayu.

PETANG: 2.00 — Keluarga Si Awang, 2.30 — Hiburan Petang, 3.15 — Dendang Si Alai, 3.30 — Mingguan Pelajar, 4.00 — Permintaan Jiran Tetangga, 4.30 — Dunia Wanita, 5.00 — Penyanyi Harapan, 5.45 — Suntingan Khutbah Jumaat.

MALAM: 7.00 — Hiburan Malam, 8.15 — Lagu-lagu Selingan, 8.30 — Hiburan Malam, 9.00 — Alam Remaja (SU), 9.30 — Cerpen dan Salukan.

HARI SABTU

7 DISEMBER

PAGI: 9.00 — Mingguan Pelajar (SU), 9.30 — Hiburan Riang Ria, 9.45 — Dendang Si Alai (SU), 10.15 — Varia Peristiwa (SU), 10.30 — Rampasari.

TENGAH HARI: 1.30 — Mutiara Asli (SU).

PETANG: 2.00 — Permintaan Hujung Minggu, 3.15 — Hiburan Selingan, 3.30 — Cerpen dan Salukan (SU), 4.00 — Hibur-

TIAP-TIAP HARI:

PAGI

6.00- 6.02 Allah Peliharakan Sultan
6.05 Siaran Wahyu
6.15 Pedoman Hidup
6.30 Membacakan Susunan Rancangan
6.33 Dendang Suria
7.00 Dendang Suria
7.10 Panduan Sukan

TENGAH HARI

11.30-12.45 Untuk Awda
1.00 Majalah Radio (kecuali hari Jumaat dan siaran asal dan ulangan Ahad)

PETANG

4.30 Rampai Petang
6.00 Menuju Keredaan Allah
Siaran langsung menu-
naikan sembahyang
Fardu Maghrib dari
Masjid Omar Ali
Saifuddin.
6.45 Aqidah dan Rohani.

MALAM

7.30 Majalah Radio
10.15 Bacaan Al-Quran
10.45 Doa Restu
10.29 Allah Peliharakan Sultan.

WARTA BERITA:

6.45 pagi (Berita Perdana)
8.00 pagi
10.00 pagi
12.45 tengah hari
1.30 tengah hari (hari Jumaat)
3.00 petang
5.30 petang (Berita Perdana)
8.00 malam

MENYIARKAN AZAN:

Zuhur, Asar, Maghrib dan Isyak.

an, 4.15 — Soalan Di Udara (SU), 5.45 — Kuliah Ugama.

MALAM: 7.00 — Hiburan Malam, 8.15 — Penyanyi Harapan (SU), 8.45 — Bangsawan Di Udara (SU), 9.15 — Permintaan Malam Minggu.

HARI AHAD

8 DISEMBER

PAGI: 9.00 — Taman Mekar, 9.30 — Pesta Pop, 10.15 — Majalah Perdana (SU), 11.00 — Ronggeng Tanahair, 11.15 — Sandiwara Radio.

TENGAH HARI: 12.00 — Tahniah Dan Ucapan Selamat, 1.00 — Permintaan Dua Stesen.

PETANG: 2.00 — Hiburan, 2.30 — Serbanika Hiburan, 3.15 — Titian Budaya, 3.00 — Juara Kugiran, 4.00 — Hiburan, 4.30 — Tetamu Radio, 5.00 — Majalah Sukan, 5.45 — Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Seni dan Sastera, 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Lagu-lagu Selingan, 8.30 — Suara Perajurit, 9.00 — Drama Dari Novel (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar

HARI ISNIN

9 DISEMBER

PAGI: 9.00 — Sains Dan Perusahaan, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Berdendang Denganku, 10.30 — Dunia Wanita (SU), 11.00 — Sukmaria.

TENGAH HARI: 1.30 — Permintaan Hari Isnin.

PETANG: 2.30 — Keluarga Si Awang (SU), 3.15 — Hiburan Selingan, 3.30 — Alam Remaja, 4.00 — Bangsawan Di Udara, 5.45 — Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Ruangan Katani (SU), 8.15 — Majalah Sukan (SU), 8.45 —

Kuliah Ugama (SU), 9.00 — Serbanika Hiburan (SU), 9.30 — Kutujukan Lagu.

HARI SELASA

10 DISEMBER

PAGI: 9.00 — Suara Perajurit (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Lagu-lagu Berirama Dangdut, 10.30 — Permintaan Kaum Wanita, 11.00 — Untuk Awda.

TENGAH HARI: 1.30 — Hiburan.

PETANG: 2.00 — Kusampaikan Salam, 2.30 — Varia Peristiwa, 2.45 — Hiburan Gema Silaen, 3.15 — Seni Dan Sastera (SU), 3.30 — Sukmaria (SU), 4.00 — Dari Pendengar Untuk Pendengar, 5.45 — Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Hiburan Malam, 8.15 — Hiburan Selingan, 8.30 — Sandiwara Radio (SU), 9.00 — Tinjauan (SU), 9.30 — Permintaan Sukaramai.

RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

WEDNESDAY

P.M.

8.00 Hello Tomorrow
9.30 Discovering Music: Elgar's Cello Concerto — 63/65.
9.00 Perspective — 44.
9.30 Talking About Music — 285/314.

THURSDAY

P.M.

8.00 International Money Programme
8.15 Sixty-Minute Theatre: Eh? by Henry Livings
9.30 Australian Jazz — 6/13.

FRIDAYS/HOLIDAYS

A.M.

11.00 A Religious Talk: Allah The Greater — 16/19.
11.15 Light Music From The Netherlands — 730.
11.30 Children's Half Hour.

NOON

12.00 19th Cambridge Folk Festival: The Strawbs — 5/12.

P.M.

12.45 My Music — 379/436.
1.15 Book Club: The Picture of Dorian Gary — 8/10.
1.30 Just for variety by duty announcer.
2.15 The Arts World Wide — 9/16 (repeat)
2.45 Fifteen Minute Theatre: In Transit by Simon Raven
3.00 Calling On You by Ak Hishamuddin
4.00 Chinese Programmes.
8.00 A Religious Talk: Allah The Greater — 16/19 (repeat).
8.15 The World of Books.
8.45 Thirty-Minute Theatre: The Not So Merry Widow by Douglas Slater

9.30 It's All Yours produced by Ak Hishamuddin.

SATURDAY

P.M.

8.00 Melody Time.
9.30 Many A Slip—A panel game providing listeners with a balanced mixture of fun and information — 121/153.
9.00 Interlude of music (side 1)
9.30 Top of The Pops — 1097.

SUNDAY

A.M.

11.00 Talentime Singing Contest 1985 — Semi-Final No. 1
11.30 A Feature — 2/6.

NOON

12.00 ABU Radio Festival of Folk Music — 7.

P.M.

12.45 Brunei Darussalam This Week by Ideris Ali.
1.00 Top of The Pops — 1097 (repeat).
1.30 Weekend Greetings by Charan Kumar.
2.30 Just for variety by duty announcer.
3.30 It's All Yours produced by Ak Hishamuddin.
4.00 Chinese programmes.
8.00 Talentime Singing Contest 1985 — Semi-Final No. 1 (repeat).
8.30 BBC Science Magazine
9.00 Beautiful Music — 26/60.
9.30 Those Were The Days by Foo Chuan Pyng — Prog. 1/12.

MONDAY

P.M.

8.00 Theatre Forty-Five: Hamish and Max by James Cameron.
8.45 The Arts Worldwide with Charan Kumar — 11/17.
9.30 Top Tunes with Bernard Ebbinghouse and His Orchestra — 17/18.

TUESDAY

P.M.

8.00 Just For You by Jaafar Yaakob.
9.00 In Sentimental Mood
9.30 Stereo Pop Special: Jethro Tull side 2.

DAILY

A.M.

6.29 Jingle.
6.30 Allah Peliharakan Sultan
6.32 Quran and It's Translation
6.45 Berita Perdana (relayed from the Malay Service)
7.00 Brunei's AM.
7.35 Weather Forecast, Brunei Darussalam In Reminiscence.
7.36 Tide Times presented by Azizah Abdullah.
7.36 Brunei's AM (continued)
8.30 Chinese Programmes.
11.00 Ladies at Eleven except Fridays and Sundays.

NOON

12.00 Lunch Break except Fridays and Sundays.

P.M.

12.45 Lunch Break (continued)
Weather Forecast
Brunei Darussalam In Reminiscence (repeat)
2.00 Close for morning transmission of Fridays and Sundays.
4.00 Close for morning transmission of Fridays and Sundays.
9.15 News.

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERTAHUAN TAWARAN

TUKANG PELAN KANAN DI JABATAN JKR

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang berkelayakan untuk memenuhi jawatan kosong sebagai TUKANG PELAN KANAN di Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Tanggungjawab: C. 2 EB. 3 — \$1450-\$2270 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

- Mestilah berumur di antara 22 hingga 45 tahun.
- Pemohon-pemohon hendaklah mempunyai kelulusan Higher National Certificate atau TEC/BEC Higher Certificate atau kelulusan-kelulusan yang sebanding dengannya dalam bidang "Draughtsmanship" dari institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan mestilah sekurang-kurangnya mempunyai satu (1) tahun pengalaman praktikal dalam Bahagian Pelan;

ATAU

- Pemohon-pemohon yang mempunyai kelulusan Diploma dalam bidang "Draughtsmanship" dan mempunyai sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman praktikal dalam bahagian pelan sebagai Tukang Pelan sama ada dari Perkhidmatan Kerajaan ataupun firma-firma tempatan/luar negeri yang diakui dan diterima oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam dan mempunyai laporan prestasi kaitan yang memuaskan boleh juga dipertimbangkan.

ATAU

- Pemohon-pemohon yang terdiri dari Tukang Pelan yang telah ditetapkan dalam jawatan dan mempunyai sekurang-kurangnya 10 tahun pengalaman praktikal melukis pelan-pelan senibina serta tahu membaca pelan bangunan dan mempunyai laporan prestasi kaitan yang memuaskan boleh juga dipertimbangkan.

Lain-lain Syarat Lantikan:

Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkontrak selama 3 tahun. Pembaharuan kontrak adalah atas persetujuan bersama. Selain daripada gaji, bonus juga dibayar. Faedah-faedah termasuklah tambang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta dan baksi pada kadar 25 peratus daripada gaji setelah genap menamatkan kontrak.

Sebagai Tradesman Tingkat II

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada Pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dalam perjawatan tetap yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai TRADESMAN TINGKAT II di Jabatan Bandaran Tutong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Tanggungjawab:

F. 3-4 EB. 5 — \$550-\$700 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

- Pemohon-pemohon mestilah telah berkhidmat dengan kerajaan sekurang-kurangnya selama 3 tahun.
- Lulus Darjah V Sekolah Melayu atau yang sebanding dengannya.
- Berpengalaman sekurang-kurangnya 3 tahun dalam kerja-kerja sebagai seorang Tradesman di sesebuah Bengkel motor/mesin-mesin.
- Keutamaan akan diberi kepada pemohon-pemohon yang tinggal di Daerah Tutong.

Am:

Calon-calon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga

hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan:

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan iklan yang berkenaan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan iklan yang berkenaan tidak akan dilayan.

Pemohonan-permohonan hendaklah dibuat dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan sijil-sijil, surat-surat akuan dan Rekod Perkhidmatan yang lengkap dan diakui sah kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari 23 Januari, 1986.

Adalah diminta supaya kandungan Surat Keliling ini dibawa kepada perhatian kepada semua pegawai-pegawai yang layak untuk memohon jawatan yang berkenaan yang sedang bercuti, dsb. Salinan surat keliling ini hendaklah dikirimkan kepada pegawai-pegawai yang berkenaan itu untuk membolehkan mereka memohon sebelum tarikh tutup iklan ini berakhir.

Calon-calon yang terdiri dari rakyat Negara Brunei Darussalam akan dilantik ke jawatan tetap setelah genap menamatkan tempoh percubaan.

Pada masa ini tidak ada cukai pendapatan dikenakan di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan:

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan kod di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Bilangan Kod: 084 03-292

Bilangan Pendaftaran: 157/1985

Tarikh tutup: 30 Januari, 1985

(E/42/74)

PEMBERITAHUAN TAWARAN, JABATAN KERJA RAYA, KUALA BELAIT

SYARAT-SYARAT TAWARAN

- TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran sama ada kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

(a) Pengerusi Lembaga Tawaran, Tingkat Empat, Bangunan Kementerian Kewangan Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam

Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang ditetapkan)

ATAU

(b) Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pembangunan, Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan)

- Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

- Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed) dengan menyatakan Tajuk Projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama pemohon dan dihantar kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

- Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.

- Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemohon yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).

- Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemohon dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemohon adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas ditetapkan.

- Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.

- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

BIL: JKR KB 108 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemohon-pemohon borong Kelas AX untuk:

PROJEK: "CADANGAN PEMBINAAN PENUTUP PERMUKAAN LONGKANG BESAR (RC) DARI BATU SATU HINGGA KE ROUNDABOUT, KUALA BELAIT."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 5 Disember, 1985.

Tarikh tutup: 9 Disember, 1985.

Cagaran tawaran: \$500.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR KB 109 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemohon-pemohon borong Kelas 'A' untuk:

PROJEK: "PERSEDIAAN TAPAK PERKERJAAN BAGI CADANGAN JALAN RAYA DI SG. MAU — MERANGKING DARI STA 7 + 100 MTS KE STA 9 + 600 MTS (SG KAGU DAN SG SINGAP) DAERAH BELAIT."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 5 Disember, 1985.

Tarikh tutup: 9 Disember, 1985.

Cagaran tawaran: \$1,000.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR KB 110 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemohon-pemohon borong Kelas 'A' untuk:

PROJEK: CADANGAN PEMBINAAN "SERVICE ROAD" SEPANJANG JALAN SERIA/KUALA BELAIT.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00

Kadet Penolong Penguasa Polis

PEMUDA-pemuda yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dipelawa untuk memenuhi jawatan Kadet Penolong Penguasa Polis dalam Pasukan Polis Diraja Brunei.

Hanya calon-calon yang berkelulusan ijazah dalam perkara-perkara berikut saja perlu memohon. Pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan yang mempunyai kelulusan ijazah yang diperlukan juga boleh memohon melalui Ketua-Ketua Jabatan mereka masing-masing:—

Kejuruteraan Awam
Kejuruteraan Mekanik
Akauntansi.

Gaji:

PD 13—\$2570, \$2630, \$2690
\$2760, \$2855.

Elaun—

Ijazah lulus \$300 sebulan
Ijazah kepujian \$500 sebulan
Ijazah sarjana \$700 sebulan
Borang-borang permohonan dan maklumat lanjut mengenai tempoh-tempoh dan syarat-syarat perkhidmatan boleh diperolehi daripada:

Ketua Latihan,
Ibu Pejabat Polis,
Pasukan Polis Diraja Brunei,
Cadang,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 15 Disember, 1985.

Undang-Undang

petang hari Khamis 5 Disember, 1985.

Tarikh tutup: 9 Disember, 1985.

Cagaran tawaran: \$1,000.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR KB 111 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemohon-pemohon borong Kelas AX untuk:

PROJEK: "PROPOSED RESURFACING OF RUNNING TRACK AND LINING THE R.T. WITH POLYURETHANE SURFACE OR EQUIVALENT AT SPORTS ARENA, SERIA."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 5 Disember, 1985.

Tarikh tutup: 9 Disember, 1985.

Cagaran tawaran: \$500.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR KB 112 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemohon-pemohon borong Kelas 'B' untuk:

PROJEK: MEMBAIKI KEROSAKAN DAN MENCAH SEMULA LUAR DAN DALAM BANGUNAN POLIQUARTERS BAHAGIAN KAWALAN LALULINTAS DI BATU 5 JALAN SERIA/KUALA BELAIT.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 12 Disember, 1985.

Tarikh tutup: 18 Disember, 1985.

Cagaran tawaran: \$200.00 + \$100.00.

BIL: JKR KB 113 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemohon-pemohon borong Kelas 'B' untuk:

PROJEK: "MEMBAIKI, MENCAT LUAR DAN DALAM, MEMASANG TILES BAGI DEWAN MAKAN LELAKI DAN PEREMPUAN, DAPUR, STOR DAN TANDAS, MENGATAP RUANG PEJALAN KAKI DI SEKOLAH INGGERIS PERDANA WAZIR, KUALA BELAIT."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 5 Disember, 1985.

Tarikh tutup: 11 Disember, 1985.

Cagaran tawaran: \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR KB 114 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemohon-pemohon borong Kelas 'B' untuk:

PROJEK: MENGGANTI KESELURUHAN ATAP MEMPERBAIKI KEROSAKAN SERTA MENCAT LUAR DAN DALAM BAGI 6 BUAH BANGLO KELAS C JKR No. 313, 314, 315, 316, 317 DAN 352 JALAN PANDAN LIMA, KUALA BELAIT.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 12 Disember, 1985.

Tarikh tutup: 18 Disember, 1985.

Cagaran tawaran: \$200.00 + \$100.00.

BIL: JKR KB 115 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemohon-pemohon borong Kelas 'B' untuk:

PROJEK: "CADANGAN WATERPROOFING MENCAT DAN MEMBAIKI MASJID MOHAMMAD JAMALUL ALAM, JALAN DATO SHAH BANDAR, KUALA BELAIT."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 12 Disember, 1985.

Tarikh tutup: 18 Disember, 1985.

Cagaran tawaran: \$200.00 + \$100.00.

DUA ORANG DIPLOMAT ASING SEMBAH WATIKAH PERLANTIKAN

JALAN TUTONG.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima Watikah Perlantikan bagi Tuan Yang Terutama Somchit Insingha, Bakal Duta Besar Thailand, dan Tuan Yang Terutama Nils Viktor Arnold Willen, Duta Besar Sweden, ke negara ini di Istana Nurul Iman di sini Rabu lepas.

Istiadat menyembahkan Watikah Perlantikan itu dimulakan oleh Tuan Yang Terutama Somchit Insingha, Bakal Duta Besar Thailand. Tuan Yang Terutama Somchit Insingha (54), berkelulusan LL.B dan M.A. (DIPLOMASI) dari Thammasat Universiti, Bangkok. Tuan Yang Terutama mula berkhidmat di Kementerian Luar Thailand pada tahun 1950, dan pernah bertugas di Pejabat-pejabat Perwakilan Thailand di New York, Hong Kong, Rome, Geneva, dan Turkey.

Sejurus selepas itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia kemu-

Oleh Ahat Ismail

diannya berkenan menerima mengadap Tuan Yang Terutama Somchit Insingha.

Seterusnya Tuan Yang Terutama Nils Viktor Arnold Willen, Duta Besar Sweden, menyembahkan Watikah Perlantikannya ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Tuan Yang Terutama Nils Viktor Arnold Willen (54), berkelulusan Sarjana Muda Undang-Undang dan Sarjana Sastera dari Amerika Syarikat. Tuan Yang Terutama pernah berkhidmat sebagai Atase di Perwakilan Sweden di Stockholm dan New York, sebagai Setiausaha Pertama di Paris, Stockholm, dan sebagai Kuasa Usaha di Kuala Lumpur.

Tuan Yang Terutama juga pernah bertugas sebagai Ketua Bahagian Pejabat Perwakilannya di Stockholm, di sekretariat Eksekutif Majlis Mesyuarat Nordic, Pengarah Jabatan Perdagangan di Stockholm dan Ketua Pengarah Jawatankuasa Tetap Parlimen Sweden bagi

Hal-Ehwal Luar Negeri.

Selepas menyembahkan Watikah Perlantikan tersebut, Tuan Yang Terutama diperkenalkan mengadap ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Terdahulu sebelum menyembahkan Watikah Perlantikan, kedua-dua Ketua Perwakilan tersebut telah menerima 'Tabik Hormat' dari sepasukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei bertempat di Pekarangan Istana Nurul Iman.

Sebaik-baik saja selepas Istiadat Menyembahkan Watikah Perlantikan dan Mengadap ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia, kedua-dua Ketua Perwakilan tersebut telah mengadakan perjumpaan muhibah kepada Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abas, Menteri Undang-undang merangkap Menteri Perhubungan, yang mana pada masa ini juga memangku jawatan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Negara Brunei Darussalam.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima Watikah Perlantikan Tuan Yang Terutama Somchit Insingha, Duta Besar Thailand. - Gambar oleh Ak Abu Bakar PHO.



TUAN Yang Terutama Nils Viktor Arnold Willen, Duta Besar Sweden, menyembahkan Watikah Perlantikannya ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia. - Gambar oleh Ak Abu Bakar PHO.

Berangkat hadiri jamuan makan malam

JERUDONG. — Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah, Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan merangkap Timbalan Menteri Kewangan telah berangkat menghadiri jamuan makan malam bertempat di Jerudong Park pada malam Ahad lepas.

Jamuan tersebut dikuroniakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah, Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan merangkap Timbalan Menteri Kewangan kepada Perwakilan-perwakilan dari 10 buah Anggota Persatuan Presiden-Presiden Syarikat Penerbangan Sebelah Timur (OAA).

Sejurus keberangkatan, Duli Yang Teramat Mulia telah diperkenalkan kepada perwakilan-perwakilan dan lain-lain jemputan.

Hadir sama di majlis tersebut termasuklah Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abas, Menteri Undang-Undang merangkap Menteri

Perhubungan yang mana pada masa ini juga memangku jawatan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam, Penasihat Umum Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja

Dato Laila Utama Awang Haji Isa, Setiausaha-setiausaha Tetap di beberapa buah kementerian serta pegawai-pegawai Syarikat Penerbangan Diraja Brunei.

Majlis pada malam itu diserikan dengan persembahan kebudayaan dari Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.

Duli Pengiran Bendahara berangkat ke Bahrain

BERAKAS. — Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Dipertua Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam telah berangkat ke Bahrain bagi menghadiri Mesyuarat Majlis Olimpik Kebangsaan Asia pada hari Ahad lepas.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah telah diiringi oleh Yang Amat Mulia Pengiran Bini Ruhaizah.

Turut serta dalam rombongan Duli Yang Teramat Mulia termasuklah Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussien, Pengarah Kebajikan Belia dan Sukan dan Awang Talib bin Haji Beruddin, Ketua Pegawai Belia dan Sukan.

Sejurus sebelum keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia doa selamat telah dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Abd. Hamid bin Bakal, Kadi Besar Brunei Darussalam.



KEBERANGKATAN tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, ke Sekolah Rendah Kerajaan Dato Gandhi dalam rangka lawatan ke Mukim Kota Batu minggu lepas dijunjung oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara serta Penghulu Mukim Kota Batu.

Tindakan tegas akan diambil

Dari muka 1

menurut Titah Baginda, hendaklah bagi kediaman anak-anak buah kampung dan bukannya kegunaan orang luar yakni orang pendatang sama ada untuk disewakan atau tidak.

"Sebagai misal peraturan-peraturan yang mengawal pembinaan bangunan-bangunan, dan rumah-rumah, dalam kampung yang mana sebelum bangunan-bangunan didirikan hendaklah terlebih mendapat kebenaran dari kerajaan melalui Pegawai Daerah dan Ketua Kampung, dan bahawa bangunan-bangunan atau rumah-rumah itu hendaklah untuk

kediaman anak-anak buah kampung itu sendiri dan bukannya untuk kegunaan orang-orang luar yakni orang pendatang sama ada secara bersewa atau tidak," titah Baginda.

TINDAKAN TEGAS

Seterusnya Baginda memperingatkan kepada penduduk-penduduk bahawa seandainya didapati mereka tidak mematuhi peraturan itu, Kerajaan akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka.

"Jika sekiranya ada didapati penduduk-penduduk kampung yang melanggar peraturan ini yakni membina bangunan-bangunan dan rumah-rumah tanpa mendapat kebenaran terlebih

dahulu daripada Kerajaan dan menyewakan bangunan-bangunan, dan rumah-rumah tersebut bagi kegunaan pendatang-pendatang luar, "Maka", Titah Baginda, "Kerajaan tidak akan teragak-agak mengambil tindakan yang tegas pada mereka yang melanggar peraturan tersebut."

Terdahulu dari itu Baginda menerangkan bahawa tujuan keberangkatan Baginda itu adalah bertujuan bagi menyaksikan secara dekat keadaan kehidupan rakyat di samping mendengar kesulitan dan kemiskinan yang hadapi mereka serta seterusnya berusaha memperbaiki semata-mata untuk kebaikan bersama.